

## AKHBAR : HARAKAH

# Skim Dana-Sel bantu golongan tidak layak mendapat pinjaman

Oleh AQIB ALFADAA

**SHAH ALAM:** Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad berkata, skim Sewa Milik kerajaan Selangor (Skim Dana-Sel) dilaksanakan bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah dan tidak mampu membuat pinjaman bank.

Katanya, 118 peneroka bandar bakal memiliki kediaman sendiri melalui tawaran Skim Dana-Sel yang membolehkan mereka memiliki rumah selepas sewa yang dibayar mencapai nilai rumah.

Beliau berkata, mereka merupakan peneroka bandar dari Kampung Rimba Jaya yang dipindahkan ke skim Sewa Milik tetapi masalahnya mereka tidak mendapat pinjaman bank disebabkan berpendapatan rendah.

Sehubungan itu katanya, kerajaan negeri membeli rumah-rumah

tersebut daripada pemaju dan disewakan kepada penduduk dengan bayaran RM300 sebulan selepas satu tempoh dalam 20 ke 25 tahun rumah tersebut menjadi hak milik mereka.

"Penduduk yang mendapat Skim Dana Sel ini juga tidak dibebani dengan bayaran deposit sebagaimana pinjaman bank," katanya di majlis Makan Tenghari bersama penerima Skim Dana-Sel di Pangsapuri Rimba Jaya.

Menurut beliau, kerajaan negeri turut memberikan subsidi sebanyak RM7,000 kepada penerima menjadikan harga sewa beli kepada penduduk menurun kepada RM35,000.

"Skim ini kita akan luaskan. Kita mulakan di sini dan akan ke tempat-tempat lain antaranya Sungai Serling dan

Kampung Berembang di Ampang dan juga tempat-tempat lain," katanya.



Dato' Iskandar bersama penduduk Selangor yang layak menerima Skim Sewa Milik Kerajaan Selangor. Turut serta Adun Batu Tiga, (KeADILan), Rodziah Ismail